

**SOALAN NO: 285**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**

**RUJUKAN : BL 4 [PR-1351-T00302]**

**SOALAN :**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan senarai syarikat yang belum menjelaskan bayaran premium dan harga jualan tanah pemilikan DBKL dan Kerajaan Pusat di Kuala Lumpur. Jelaskan sebab DBKL mengeluarkan Perintah Bangunan DO kepada pemaju yang belum jelaskan bayaran tersebut.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seputeh, tujuan utama penjualan tanah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dilaksanakan adalah untuk memastikan projek-projek pembangunan dapat memenuhi kehendak dan keperluan rakyat di Kuala Lumpur. Melalui surat tawaran penjualan tanah kepada pihak pemaju, DBKL membenarkan pihak pemaju mengemukakan permohonan untuk mendapatkan Kelulusan Merancang (*Development Order*) semasa proses penjualan tanah berkenaan sedang dilaksanakan.

Kelulusan Merancang adalah bertujuan untuk memastikan pihak pemaju komited bagi mematuhi komponen pembangunan seperti mana yang telah dipersetujui dalam surat tawaran penjualan tanah. Kelulusan Merancang turut digunakan sebagai asas penentuan nilai tanah yang dijadikan salah satu syarat bagi membolehkan perjanjian jual beli ditandatangani.